

# Forest City diumumkan Zon Khas Kewangan tingkat pelaburan asing

PM gesa projek disegerakan paku pembangunan ekonomi Johor

Oleh Mohamed Farid Noh dan Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Iskandar Puteri:** Forest City, projek mega pembangunan bercampur di atas empat pulau buatan di perairan Johor berdekatan pelabuhan Tanjung Pelepas di sini, diumumkan sebagai Zon Khas Kewangan.

Status kawasan pembangunan berkeluasan lebih 2832.79 hektar itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi meningkatkan pelaburan asing, sekali gus merancakkan pembangunan ekonomi kawasan terbabit.

Beliau berkata, zon khas berkenaan diwujudkan berikutan keistimewaan Johor yang berjiran dengan Singapura di samping infrastruktur lengkap yang ada di Forest City.

Perdana Menteri menegaskan, beliau lebih melihat kepentingan untuk negeri ini dan Singapura saling melengkapi, berbanding bersaing.

"Kita harus mampu saling melengkapi, apatah lagi Singapura pernah ada sejarah dengan kita," kata Anwar ketika berucap pada Jelajah Belanjawan 2024 Johor dan majlis dialog, di sini, semalam.



Kerajaan bakal tambah beberapa insentif menarik pastikan projek Forest City beri manfaat kepada Johor dan pelabur asing.

Tegas Anwar, Johor mempunyai tanah luas, selain keupayaan dari segi tenaga kerja yang perlu dimanfaatkan untuk menjana peluang pekerjaan serta industri.

"Selepas meneliti perkara ini serta mendapatkan pandangan, saya bersetuju mengumumkan status Forest City, untuk diwujudkan Zon Khas Kewangan di kawasan itu," katanya.

Serentak itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beberapa insentif menarik juga akan ditambah di kawasan berkenaan berbanding insentif untuk zon khas sedia ada.

Antara insentif tambahan, termasuk kadar pendapatan cukai khas 15 peratus kepada penggiat industri di Forest City, visa beberapa kali masuk (*multiple entry visa*), selain laluan pantas imigresen di antara zon khas itu dan Singapura.

#### Selari Ekonomi MADANI

"Saya tidak mahu ada alasan melengahkan (pelaksanaan Zon Khas Kewangan Forest City) kerana dasar ini sudah ditentukan dan diumumkan harl ini (semalam). Pastikan ia dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Imigresen juga sudah dimak-

lumkan mengenai permit khas atau *multiple entry visa* ini.

"Zon Khas Kewangan Forest City ini juga selari dengan Ekonomi MADANI dalam mewujudkan sinergi yang ada di Johor.

"Saya yakin dan percaya jika inisiatif zon khas ini dapat diberi penerangan meluas di Johor dan Singapura, ia dapat menarik ramai pelabur untuk guna kemudahan di Forest City.

"Apatah lagi tarikan istimewa di situ membabitkan perubahan, pendidikan dan pelancongan," katanya.

Projek Forest City bermula sejak 2015 dan sepanjang tempoh

tujuh tahun, sebanyak 28,000 unit kediaman telah disiapkan dengan fokus utama pembangunan tertumpu pada pulau buatan pertama seluas 566.55 hektar.

Sehingga kini, Forest City memiliki dua hotel, dua padang golf bertaraf antarabangsa, kilang prefabrikasi Sistem Bangunan Berindustri (IBS) terbesar di Malaysia yang diiktiraf Malaysia Book of Records (MBR).

Kemudahan lain termasuk, sekolah antarabangsa Shattuck St Mary Forest City dengan kurikulum Amerika Syarikat serta taman air yang menjadi pilihan rakyat tempatan.